

*Artikel Penyelidikan*

# **Menyingkap pengalaman dan sumbangan Naib Canselor Pertama UMK: Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed.**

**Nurulannisa Abdullah<sup>1</sup> \*, Siti Aishah Mokhtar<sup>2</sup>, Mohamad Zaidi Zainuddin<sup>3</sup>, Nursyafawani Che Mohd Noor<sup>4</sup> dan Nurhayati Mohamad Nawawi<sup>5</sup>**

<sup>1</sup> UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

<sup>3</sup> UiTM Cawangan Kelantan; zaidi.zainuddin.98@gmail.com;

<sup>4</sup> UiTM Cawangan Kelantan; nursyafawani987@gmail.com;

<sup>5</sup> UiTM Cawangan Kelantan; nurhayatimdnawawi2209@gmail.com;

\* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

**Abstrak:** Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Mohamed merupakan seorang pensyarah dan juga Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau juga adalah salah seorang peneroka terawal Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau juga telah terlibat dalam membuka kampus UMK di Bachok, Kelantan. UMK pada ketika itu menjadi sebuah institusi pendidikan yang telah membantu masyarakat sekitar Bachok kerana kemudahan-kemudahan infrastruktur dan pembangunan ekonomi sekitarnya telah membantu ekonomi setempat. Tujuan temubual ini dilakukan untuk mengetahui pengalaman dan cabaran yang telah dihadapi oleh beliau semasa berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kaedah kajian dijalankan dengan secara temu ramah secara atas talian menggunakan aplikasi Cisco Webex Meet pada 11 Januari 2021. Sebanyak lebih 90 soalan dikemukakan yang terdiri daripada latar belakang hingga sumbangan dan pencapaian beliau sebagai Naib Canselor UMK. Hasil temuramah tersebut, sumbangan dan pencapaian beliau dilihat memberi kesan yang baik dan positif dalam pelbagai aspek seperti pembangunan diri, masyarakat dan negara.

*Kata kunci:* Pensyarah, Pendidikan, Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan

DOI: 10.5281/zenodo.10020374

---



**Copyright:** © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## **1. PENGENALAN**

Pendidikan merupakan satu proses yang mengandungi perbagai aktiviti yang dirancang khas untuk pembangunan masyarakat. Dalam konteks ini, tokoh pendidikan merupakan orang yang telah banyak berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi masa kini dan masa akan datang.

Pendidikan juga suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan perhubungan atau komunikasi dan interaksi di antara individu dengan individu yang lain seperti seorang ibu dengan anaknya atau seorang pengikut dengan ketuanya atau seumpamanya. Ia juga boleh berlaku di antara individu dengan beberapa individu yang lain seperti di antara seorang anak dengan kedua ibu bapa atau keluarganya atau dengan rakan sebaya, seorang guru dengan murid-muridnya atau seumpamanya. Pendidikan juga merupakan suatu proses komunikasi dan interaksi di antara manusia

dengan persekitarannya seperti sekolah, media massa, tempat tinggal, pekerjaan dan tempat bekerja serta institusi masyarakat lainnya.

Oleh kerana pendidikan adalah suatu proses penerimaan dan penyebaran maklumat, maka ilmu dan budaya yang tersebar secara langsung dan tidak langsung akan mempengaruhi perkembangan fizikal, sosial dan rohani manusia. Pendidikan berupaya mengubah corak kehidupan seseorang ahli dalam sesebuah negara. Melalui pendidikan juga dapat membentuk masyarakat yang berakhhlak tinggi, berpengetahuan luas, bijaksana dalam membuat keputusan, dan tegas dalam mengendalikan emosi seterusnya dapat memacu kegemilangan dan kecemerlangan sesebuah Negara.

Kajian dibuat mengenai seorang tokoh pendidikan yang banyak berjasa dalam bidang pengajian tinggi iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Ts. Ir. Zainai Bin Mohamed. Beliau telah pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga peneroka bagi Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Perkhidmatan beliau banyak menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan kepada masyarakat setempat.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Pengkaji telah mengambil initiatif menemubual tokoh pendidikan yang telah menjadi salah seorang peneroka terawal salah satu universiti di Malaysia. Sumber maklumat primer telah diambil secara langsung daripada tokoh itu sendiri untuk mengetahui lebih lanjut sumbangan, pengalaman dan pencapaian beliau sebagai tokoh pendidikan, pensyarah dan seorang Naib Canselor. Maklumat seperti ini sukar di dapat dalam bentuk dokumentasi sejarah lisan. Justeru itu pengkaji telah menemubual bagi menghasilkan perkongsian yang bermanfaat bagi rujukan generasi masa kini dan akan datang.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

- 3.1 Untuk mengenal pasti latar belakang peribadi dan pendidikan tokoh.
- 3.2 Untuk mengkaji pengalaman tokoh sebagai seorang Naib Canselor.
- 3.3 Untuk mengenal pasti sumbangan tokoh dalam aktiviti masyarakat setempat.

## **4. PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 4.1 Siapakah Profesor Emeritus Dato' Dr. Ts. Ir. Zainai seorang penerima Pingat Darjah Kebesaran Negeri Kelantan?
- 4.2 Apakah pengalaman Profesor Emeritus Dato' Dr. Ts. Ir. Zainai sebagai Naib Canselor UMK?
- 4.3 Apakah sumbangan Profesor Emeritus Dato' Dr. Ts. Ir. Zainai sepanjang beliau di UMK kepada masyarakat setempat?

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, umum mendapati Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed telah banyak memberi sumbangan dan ianya amat penting bagi pembangunan dan pembentukan masyarakat yang lebih peka terhadap pendidikan. Hal ini dapat dibuktikan apabila ramai pelajar-pelajar beliau telah berjaya sehingga ada segelintir yang menempa nama di peringkat luar negara.

Selain itu, membentuk masyarakat setempat yang lebih peka terhadap pendidikan. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed telah terlibat membuka Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Bachok, Kelantan. Oleh itu, masyarakat setempat mendapat peluang dan lebih bermotivasi bagi melanjutkan pelajaran di Universiti Tersebut.

Seterusnya, memacu pembangunan masyarakat dan kawasan sekitar. Dengan adanya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang dibuka, masyarakat setempat dapat menikmati hasil pembangunan sekitar seperti kemudahan-kemudahan yang dibina ekoran pembangunan di kawasan tersebut.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Pendidikan adalah merupakan salah satu faktor yang memberikan impak positif kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Dalam sesebuah negara, semakin ramai rakyat yang berpendidikan tinggi, maka kemajuan ekonomi dan teknologi negara tersebut juga akan meningkat dimana ianya membantu kepada peningkatan produktiviti hasil pengeluaran sesebuah negara. Rakyat yang berpendidikan tinggi menjadi pelengkap kepada faktor-faktor lain seperti modal, guna tenaga dan eksport dalam proses pembangunan ekonomi sesebuah negara (Siti Norihan, 2013).

Menurut Hasnah, Luqman, Sanep & Noraziah (2009), pendidikan dan pembangunan sumber manusia (PSM) adalah kunci kepada peningkatan daya saing negara. Sistem pendidikan harus mampu memenuhi kehendak pasaran dan industri yang memerlukan kepada tenaga kerja yang bersifat kreatif, inovatif, produktif serta berkemahiran tinggi dimana ia menjadi input yang sangat penting dalam membantu kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara.

Taraf pendidikan yang terbaik mampu menjadi pemangkin kepada kesejahteraan hidup masyarakat dan memimpin individu ke arah pembangunan diri, sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial. Justeru, pelaburan dalam pendidikan bermula daripada prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi mampu memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup seseorang (Affizal Ahmad 2011).

Menurut Manurung (2018), proses pendidikan seharusnya tidak berfokus kepada aktiviti bilik darjah yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran semata, sebaliknya harus merangkumi semua aspek bagi menghasilkan pelajar yang lebih produktif, kreatif, membina kemahiran, pembangunan sahsiah, integrasi, kecemerlangan serta pengukuhan moral dan rohani. Demi merealisasikan proses pendidikan yang ideal dan berkualiti, perkara ini perlu menjadi agenda utama didalam merencana proses pendidikan negara.

Azman Idris (1994) menyatakan bahawa pencapaian akademik merupakan apa yang dihasilkan atau yang diperoleh oleh seseorang dalam sesuatu pelajaran. Usaha kerajaan dalam melahirkan lapisan masyarakat yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, inovatif, kreatif,

progresif dan berakhhlak mulia selaras dengan matlamat dan falsafah pendidikan negara sering disambut baik oleh lapisan masyarakat bandar.

## 7. METODOLOGI

### 7.1 Pendekatan Kajian

Sejarah lisan merupakan suatu kaedah di mana pengalaman dan kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara temubual. Tokoh-tokoh yang dipilih terdiri daripada mereka yang telah menyumbang kepada maklumat bersejarah melalui penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau melalui perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Kaedah yang dipilih oleh pengkaji untuk menemuramah tokoh adalah dengan menggunakan kaedah temubual secara atas talian. Hal ini demikian kerana penularan dan peningkatan kes Covid-19 Di Malaysia. Temubual dijalankan secara atas talian ini memakan masa 2 jam dan menggunakan Cisco Webex Meet sebagai platform temubual bersama tokoh yang dipilih.

### 7.2 Peserta Kajian

Hasil daripada penelitian dan pemerhatian dari beberapa sumber mendapati tokoh dipilih kerana sejarah pendidikan dan sumbangannya yang nyata dapat memberi contoh kepada semua masyarakat setempat. Tokoh ini juga dipilih kerana Profesor Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed juga merupakan salah seorang ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

### 7.3 Prosedur Pengumpulan Data

Data kajian ini telah dikumpulkan melalui kaedah temubual atas talian, tinjauan literatur dan kaedah pemerhatian. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat tambahan yang perlu bagi tujuan kajian ini. Temubual diadakan secara dalam atas talian ekoran kes Covid-19 yang kembali menular di Malaysia. Terdapat beberapa soalan yang akan dikemukakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam bagi melicinkan proses pengumpulan data. Temubual ini telah dilakukan secara atas talian menggunakan aplikasi Cisco Webex Meet. Temubual secara atas talian dapat dijalankan dengan baik dan mendapat maklumbalas yang baik daripada tokoh yang dikaji.

## 8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian utama seperti berikut:

### 8.1 Latar belakang Tokoh

Nama sebenar beliau ialah Zainai Bin Mohamed, dilahirkan pada tahun 1951. Beliau dibesarkan oleh kedua ibu bapa dan berasal dari Bukit Marak, Kelantan. Beliau dilahirkan di kampung dan dibesarkan di kampung sehingga berumur 19 tahun. Selepas itu, pada umur 19 tahun beliau telah berhijrah keluar negeri untuk menyambung pelajaran. Beliau kembali menetap di Kelantan setelah di minta membuka universiti di Kelantan. Apabila duduk di Kelantan selama 5 tahun, beliau berasa minat duduk di Kelantan dan terus membina rumah di Kelantan. Sekarang ini, beliau hanya pulang ke kampung untuk bercuti kerana bekerja di Kuala Lumpur.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed merupakan anak sulung daripada 3 orang adik beradik. Hasil perkahwinan beliau dan isteri, Rosnah pada tahun 1973, beliau telah dikurniakan 3 orang cahaya mata dan kini telah memiliki 4 orang cucu.

Pada zaman kanak-kanak, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed gemar mencuba pelbagai aktiviti sama seperti kanak-kanak yang lain. Contohnya bermain di sawah padi, bermain badminton, bola sepak dan bola takraw. Sekarang beliau lebih menggemari permainan golf.

#### 8.2 Latar belakang Pendidikan

Perjalanan menuntut ilmu Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed bermula di sekolah rendah di Bukit Marak dan sekolah menengah di Bachok. Beliau berjalan kaki setiap hari ke sekolah kerana sekolah tidak jauh dari rumah beliau. Beliau menamatkan tingkatan 3 pada tahap LCE (Lower Certificate of Education) kini dikenali sebagai Penilaian Pentaksiran Tingkatan 3]. Selepas itu, beliau menduduki SPM (Sijil Penilaian Menengah) iaitu di Sekolah Menengah Kemudi dan mendapat gred yang paling tinggi dari segi kelulusan. Walaubagaimanapun beliau tidak mendapat gred satu kerana Bahasa Malaysia tidak kredit.. Oleh kerana beliau dapat aggregated [terkumpul] tinggi, jadi beliau dipilih belajar di Kuala Lumpur.

Semasa belajar di Kuala Lumpur, beliau telah menukar pengajian kepada sains tulen kerana pencapaian matematik dan sains beliau pada Ketika itu adalah tinggi. Beliau belajar disana selama dua tahun dan mendapat tawaran untuk pergi ke luar negeri tetapi tidak meneruskan hastar tersebut kerana tidak ada saudara yang menetap di sana pada ketika itu untuk beliau bergantung.

Beliau menyambung pelajaran dalam bidang kejuruteraan di peringkat Diploma di Maktab Teknik yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan telah mendapat kelas satu. Seterusnya, beliau menyambung pengajian diperingkat Ijazah pertama di Scotland selama dua tahun dan ditaja oleh Kerajaan Malaysia. Kemudian, beliau menyambung pengajian di peringkat sarjana di bawah biasiswa Kerajaan British. Akhir sekali, beliau dapat menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah di University Of Cambridge dibawah tajaan daripada Cambridge.

#### 8.3 Pengalaman Kerjaya

Setelah tamat pengajian, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed memulakan kerjayanya sebagai seorang pembantu jurutera di DID di mana ia dikenali sebagai Jabatan Pengairan dan Saliran Air (JPS) di Kuala Lumpur. Beliau juga pernah bertugas di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur kerana tidak mahu menetap di Johor jadi beliau meminta untuk bekerja di Kuala Lumpur. Beliau adalah Naib Canselor pertama di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Setelah penceran beliau masih lagi aktif dalam memberikan khidmat dan masih bekerja di Kuala Lumpur dan akan pulang ke kampung semasa bercuti sahaja.

#### 8.4 Pencapaian Tokoh

Pencapaian Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed dari segi kerjaya telah meletakkan beliau sebagai seorang pemimpin yang hebat. Bermula dari seorang pensyarah biasa, beliau diberikan peluang menjawat jawatan tertinggi seperti Timbalan Naib Canselor, Naib Canselor, dan seterusnya sebagai pengurus universiti. Hal ini dapat dilihat melalui jawatan beliau sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang pertama.

Beliau juga merupakan seorang ahli professional dalam kejuruteraan sejak tahun 1993. Selain itu, beliau turut diiktiraf keahlian professional ataupun orang yang telah berjaya oleh Cambridge. Dalam kerjaya peribadi, pentadbiran dan professional boleh dikatakan telah lengkao dan seperti kebanyakan pemimpin yang hebat, pada dasarnya beliau telah mencapai kejayaan tersebut atas usaha beliau sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila beliau turut dianugerahkan Pingat Darjah Kebesaran Negeri Kelantan.

### 8.5 Sumbangan Tokoh

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed secara peribadinya telah menjadi mentor kepada bekas pelajar - pelajar yang kini telah berjaya atas didikan beliau. Walaupun bekas pelajar tersebut telah berjaya namun mereka masih menganggap beliau sebagai mentornya.

Justeru itu, sumbangan yang paling beliau ingati ialah sebagai salah seorang penyumbang kepada penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau menyatakan pada awalnya beliau dipanggil bersama beberapa orang pasukan kerja dan diberikan kertas kerja bagi penubuhan universiti tersebut. Hasil rundingan dan perjalanan yang ditempuh akhirnya beliau dan rakan sepasukan berjaya menubuhkan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang kini dikenali sebagai Universiti Keusahawan No. 1 di Malaysia.

Selain daripada itu, sumbangan beliau terhadap masyarakat adalah seperti Yang dipertua PIBG Sekolah Bukit Marak, Timbalan Yang Dipertua MRSM Kuantan, dan Timbalan Yang Dipertua Sekolah Muzaffar Shah, Melaka. Beliau juga menyumbang dalam pembinaan masjid di kampung halaman beliau iaitu di Kelantan.

## 9. KESIMPULAN

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ir. Zainai Bin Mohamed dapat dikenali dengan lebih rapat melalui perkongsian beliau dalam latar belakang, sejarah pendidikan dan sumbangan dan pencapaian yang telah dicapai oleh beliau.

Seperti yang sedia maklum, sumbangan terbesar beliau ialah sebagai salah seorang dalam pasukan penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang dapat dilihat memberi kesan yang baik dan positif dalam pelbagai aspek seperti pembangunan diri, masyarakat dan juga negara. Hasil daripada sumbangan itu, beliau telah dianugerahkan Pingat Darjah Kebesaran Negeri Kelantan. Segala titik peluh dan penat lelah selama ini dirasakan amat berbaloi dan dapat dibanggakan dengan anugerah tersebut. Di akhir temu bual, beliau mengharapkan agar masyarakat kembali teguh dan bersatu padu. Nilai bersatu padu antara masyarakat amatlah tinggi dalam membantu kemajuan negara Malaysia amnya. Kalau kita tidak bersatu padu, masyarakat melayu mungkin akan ketinggalan ujar beliau lagi.

## Rujukan

Affizal Ahmad (2011). Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.

Azman B. Idris (1994). Satu tinjauan mengenai masalah pencapaian akademik bekas pelajar-pelajar SPMV yang sedang mengikuti kursus diploma di Universiti Teknologi Malaysia Kampus Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Bakar, V. A. P. B. I. A. (2020). ZAINAI BIN MOHAMED. Who's Who X-Techs 1969-1974. . Diakses daripada <https://1969.tech.blog/2020/01/23/zainai-bin-mohamed/>

Hasnah Ali, Luqman Ahmad, Sanep Ahmad & Noraziah Ali (2009). Keperluan, kepentingan dan sumbangan perancangan pendidikan dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Jurnal e-bangi, 4 (1), 13-29.

Manurung, R. T. (2018). Models of language teaching and humanizing education. Cakrawala Linguista, 14-19.

Pusat Kajian Sejarah Lisan. (2007). Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses daripada <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Senarai ahli majlis. (n.d.). Diakses daripada <https://www.emaik.my/v2/index.php/ms/profil/organisasi/senarai-nama-ahli-majlis.html>

Siti Norihan Abd Razak & Hasnah Ali (2013). Sumbangan dan kepentingan pendidikan tertiar dalam pertumbuhan ekonomi negara: satu kajian kes di Malaysia. PROSIDING PERKEM VIII, 2, 806 - 816

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan (2012). Penukaran ilmu baharu melalui sejarah lisan, (6), 66.

Universiti Malaysia Kelantan, C. (2012, July 26). Dato' profesor Emeritus Ir. Dr. Zainai Bin Mohamed Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Malaysia Perlis. Retrieved February 04, 2021, from <http://umkeprints.umk.edu.my/654/>